

01/03/2000

Pencetak, pengarang Harakah dibicara 22 Mei

KUALA LUMPUR, Selasa - Mahkamah Sesyen di sini, hari ini memerintahkan kes pencetak dan pengarang lidah rasmi Pas, Harakah, dibicarakan bersama bermula 22 Mei depan.

Hakim Khatijah Idris membenarkan permohonan Timbalan Pendakwaraya Vong Poh Fah supaya kes terhadap pencetak Harakah, Chea Lim Thye, dan pengarangnya Zulkifli Sulong, dibicarakan bersama mengikut Seksyen 170 Kanun Acara Jenayah.

Sehubungan itu, Khatijah menetapkan lima hari sehingga 26 Mei depan untuk mendengar perbicaraan kes itu.

Chea, 62, dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Petaling Jaya pada 13 Januari lalu atas tuduhan mencetak artikel bertajuk "Liputan Pengakuan Sukma Hina Dan Jahat - Dr Chandra" yang disiarkan oleh Harakah, di halaman 40 keluaran 2 Ogos lalu.

Perenggan yang disebut dalam tuduhan itu berbunyi: "Adalah memalukan bahawa elemen-elemen di dalam pasukan polis, Pejabat Peguam Negara, mahkamah dan media bersedia diperalatkan dalam konspirasi yang terbesar yang dirancang oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan konco-konconya, ujar beliau." Dr Chandra Muzaffar adalah Timbalan Presiden Parti Keadilan Nasional.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu pada atau 2 Ogos lalu di Lot 9, Jalan 51A/243 Petaling Jaya.

Zulkifli, 37, pula didakwa di Mahkamah Sesyen di sini pada tarikh yang sama kerana menerbitkan artikel berkenaan di 28A, Jalan Pahang Barat off Jalan Pahang di sini pada atau 2 Ogos lalu.

Zulkifli diwakili peguam Zamani Ibrahim, manakala Wong Kian Kheong mewakili Chea.

Chea dan Zulkifli didakwa mengikut Seksyen 4(1)(c) Akta Hasutan 1948 (Akta 15) yang membawa hukuman denda tidak melebihi RM5,000 atau penjara tidak lebih tiga tahun bagi kesalahan pertama.

Terdahulu, Vong memohon kedua-dua kes dibicarakan bersama kerana membabitkan artikel dan fakta yang sama, walaupun kedua-dua tertuduh memainkan peranan yang berbeza dalam penerbitan artikel berkenaan.

Wong tidak membantah permohonan itu. Bagaimanapun, Zamani berkata, beliau diarahkan mengemukakan bantahan atas alasan permohonan itu akan menjejaskan pembelaan anak guamnya.

(END)